

Pengantarabangsaan

PELAJAR IJAZAH TINGGI MUNCUL JUARA DI KARNIVAL PELAJAR ANTARABANGSA 2007

September 2007 - Seramai 15 orang pelajar antarabangsa dan 3 orang staf telah menghadiri Karnival Pelajar Antarabangsa yang julung kalinya diadakan di UKM pada 8 September 2007. Karnival terbabit yang dianjurkan oleh KPT menerima kehadiran ratusan pelajar daripada lebih seratus buah negara di Afrika, Asia, Timur Tengah dan Amerika Syarikat. Hampir kesemua IPTA dan IPTS di Malaysia mengambil bahagian. Di samping itu juga beberapa aktiviti turut diadakan sepanjang hari karnival tersebut, termasuklah Malam Kebudayaan. Seminar Pelajar Antarabangsa, Forum Antarabangsa, Festival Makanan Antarabangsa dan beberapa jenis sukan (aerobik, bola tampar, ping pong, bola sepak dan marathon) turut diadakan.

Pelajar antarabangsa UniMAP diketuai oleh Mohamad Iqbal Hussein dari Pakistan (pelajar PhD) daripada PKK Kejuruteraan Pembuatan. Semasa Seminar Pelajar Antarabangsa, Muhammad Iqbal menyampaikan pembentangan yang bertajuk "International Students in Malaysia : Issues and Opportunities (Edu- Tourism in Malaysia).

Pembentangan ini telah memenangi hadiah pembentangan terbaik. Selain itu juga pelajar UniMAP mengambil bahagian secara aktif dalam sesi forum dan perbincangan yang berkisar sekitar akademik, sosial, kebajikan dan "edu-tourism". Resolusi yang dipersetujui telah dibentangkan kepada Menteri KPT yang turut hadir pada persembahan kebudayaan di malam hari tersebut.

Semasa acara penutup karnival, Naib Canselor UniMAP, Y. Bhg. Prof Dato' Dr. Kamarudin Hussin turut menyertai kumpulan tersebut. Beliau mengucapkan tahniah atas kemenangan pasukan pembentangan UniMAP. Beliau merasa bangga dengan persembahan dan bakat yang telah ditunjukkan oleh pelajar antarabangsa UniMAP di karnival tersebut dan mencadangkan agar UniMAP menjadi tuan rumah bagi karnival yang akan diadakan tahun hadapan. Ini telah dipersetujui oleh Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamad.